

PERKEMBANGAN DAN PRESTASI MALAYSIAN INDIAN CONGRESS (MIC) DALAM GEOPOLITIK MALAYSIA

*(Development and Performance of Malaysian Indian Congress (MIC)
in Malaysian Geopolitics)*

Junaidi Awang Besar

ABSTRAK

MIC (Malaysian Indian Congress) dikatakan semakin terhakis dan tidak relevan sebagai parti yang menjadi jurucakap utama untuk masyarakat India kepada Kerajaan. Kekalahan besar MIC dalam PRU-12 bukan sahaja berpunca dari gerakan Hindu Rights Action Force (Hindraf) semata-mata, sebaliknya faktor kegagalan kepemimpinan MIC yang tidak peka terhadap permasalahan kaum India menjadi penyebab mereka secara bersatu hati tidak lagi menyokong calon-calon MIC/BN dalam PRU 2008. MIC terus ditolak dalam PRU-14 dengan hanya menang dua kerusi Parlimen. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis perkembangan dan prestasi MIC dalam geopolitik Malaysia. Berdasarkan analisis data keputusan PRU 2018 dan analisis sumber sekunder seperti artikel jurnal dan kertas persidangan, dapatan kajian menunjukkan bahawa MIC tetap berperanan relevan dalam mewujudkan kestabilan politik dan kesejahteraan di negara ini. MIC telah banyak menyumbang kepada kemajuan negara dengan peranannya sebagai penggerak kepada kemajuan masyarakat India di negara ini. Dengan komitmen yang tinggi serta semangat kerjasama yang ikhlas, MIC telah bersama-sama memupuk semangat harmonis dalam kalangan rakyat. Dengan kepimpinan yang berwibawa dan dinamik, MIC telah menyumbang kepada BN dalam mengurus pembangunan negara ke tahap pembangunan ekonomi yang membanggakan. Namun demikian, perubahan politik yang wujud dalam kalangan masyarakat India menyebabkan MIC tidak atau kurang menjadi pilihan utama untuk masyarakat India. Justeru, Kerajaan perlu mengambil tindakan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi kaum India seterusnya mengembalikan semula sokongan kepada MIC/BN dalam PRU akan datang.

Kata kunci: Geopolitik, masyarakat India, sosioekonomi, kestabilan politik, pembangunan ekonomi

ABSTRACT

MIC (Malaysian Indian Congress) is said to be increasingly eroded and irrelevant as the main spokesman for the Indian community in expressing the desire to the Government. MIC's defeat in the 12th general election is not only caused by the movement Hindu Rights Action Force (Hindraf) alone, but the failure of the MIC leadership who are not sensitive to the problems of the Indian community and consequently they no longer support the candidates of MIC/BN in the

2008 General Election. MIC continued to be rejected in GE-14 by winning only two parliamentary seats. Therefore, the purpose of writing this article is to analyze the development and performance of MIC in Malaysian geopolitics. Based on the analysis of GE 2018 results data and analysis of secondary sources such as journal articles and conference papers, the findings show that MIC remains a relevant role in creating political stability and prosperity in the country. MIC has contributed a lot to the progress of the country with its role as a driving force to the progress of the Indian community in the country. With high commitment and a sincere spirit of cooperation, MIC has together fostered a spirit of harmony among the people. With competent and dynamic leadership, MIC has contributed to BN in managing the country's development to a proud level of economic development. Nevertheless, the political changes that exist among the Indian community have made the MIC not or less a top choice for the Indian community. Therefore, the Government needs to take action to improve the socio-economic status of Indians and restore support to MIC/BN in the next GE.

Keywords: Geopolitics, Indian society, socioeconomic, political stability, economic development

PENGENALAN

Malaysian Indian Congress (MIC) atau Kongres India Se-Malaysia merupakan sebuah parti politik di Malaysia yang bersifat perkauman (Amalavanar 1972). Parti ini ditubuhkan pada 4 Ogos 1947 iaitu sebelum kemerdekaan di negara ini pada tahun 1957. Parti ini ditubuhkan untuk memperjuangkan kebijakan kaum/etnik India dari segi ekonomi, pendidikan, sosial dan kesihatan. Pada peringkat awal, MIC merupakan satu-satunya parti politik yang memperjuangkan kehidupan Orang India sehingga membawa kepada kepada penubuhan beberapa parti serpihan kaum India seperti Indian Progressive Front (IPF), KIMMA, Parti Makkal Sakti Malaysia (MMSP), Parti Bersatu India Malaysia (MIUP) dan Human Rights Party (HRP) dan sebagainya selepas era kemerdekaan hingga sekarang. Parti ini mempunyai struktur organisasi yang tersusun seperti parti etnik yang lain iaitu UMNO dan MCA iaitu pada peringkat paling bawah mempunyai jentera akar umbi yang disebut sebagai cawangan, kemudian pada peringkat seterusnya ialah bahagian (Parlimen), negeri dan pusat (Negara). Justeru, parti ini mempunyai mekanisme pengurusan yang tersusun yang diyakini oleh kaum India untuk disertai bagi memperjuangkan kepentingan orang India sebaiknya. Dengan jentera parti yang tersusun dan mantap ini, segala gerak kerja sama ada program keramaian, agama, perayaan dan sebagainya dapat dijalankan dengan baik dan jayanya ditambah pula dengan pimpinan parti yang memegang jawatan dalam kerajaan sama ada peringkat kampung/estet, sebagai wakil rakyat (ADUN dan ahli Parlimen), kerajaan negeri sebagai EXCO dan kerajaan persekutuan sebagai menteri maka peruntukan untuk melaksanakan sesuatu program akan lebih mudah diperoleh seterusnya dapat diadakan dengan baik dan jayanya. MIC telah mendapat sokongan masyarakat India sejak sekian lama dan pimpinan MIC telah sedaya upaya membantu dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India. Dalam konteks makalah ini, penulisan akan menjuruskan kepada latar belakang penubuhan MIC, sumbangan MIC kepada masyarakat India,

perkembangan MIC, MIC dalam pilihan raya, analisis pencapaian MIC dalam PRU 2018 dan MIC pasca PRU 2018.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi metod kajian, antara kaedah pengumpulan data primer bagi teknik kualitatif ialah menggunakan pemerhatian di lapangan manakala kaedah kuantitatif pula ialah olahan data keputusan PRU-14 (2018) bagi MIC. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukuhkan hasil kajian.

Kaedah kuantitatif iaitu analisis data keputusan PRU-14 bagi MIC pula merujuk kepada penelitian terhadap keputusan PRU-14 di kawasan tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi dan jumlah kerusi yang dimenangi. Penelitian terhadap data keputusan PRU-14 tersebut dari segi jumlah kerusi yang ditandingi parti politik dan jumlah kerusi yang dimenangi parti politik adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih detail dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder yang merupakan maklumat berbentuk kualitatif melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Penubuhan MIC

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, telah berlaku banyak perubahan di Tanah Melayu. Perubahan yang telah berlaku menyediakan rakyat Tanah Melayu ke arah pencapaian kemerdekaan. Dalam jangka waktu perubahan ini berlaku, kaum utama di Tanah Melayu pada ketika itu, iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan kaum India berusaha untuk menjamin kepentingan masing-masing dengan menubuhkan parti politik yang mengikut kaum. Tujuan penubuhan parti politik ini adalah untuk berfungsi sebagai kumpulan pendesak serta untuk menyuarakan kepentingan mereka kepada pemerintah.

Sebahagian besar masyarakat Malaya pada waktu pendudukan Jepun telah melibatkan diri dalam *Indian Independent League* (IIL) dan *Indian National Army* (INA). Setelah tentera Jepun dapat diusir keluar oleh tentera British, masyarakat yang menganggotai IIL dan INA mula bimbang dengan tindak balas yang akan dilakukan oleh British. Terdapat pemimpin masyarakat India di Malaya sebelum dan selepas pendudukan Jepun telah ditangkap atas tuduhan mereka

berkerjasama dengan pihak Jepun. Akibatnya, dalam masyarakat India pada masa itu terdapat kekosongan untuk memimpin masyarakat India (Amalavanar 1972).

Selepas wujudnya kekosongan tersebut, masyarakat India di Malaya terpaksa menunggu untuk mewujudkan satu institusi yang boleh membela mereka. Keadaan ini juga telah menyebabkan mereka tidak dapat menyalurkan sokongan mereka kepada perjuangan kemerdekaan di India dan juga di Malaya. Ketiadaan parti politik pada peringkat nasional telah menyedarkan pemimpin India Malaya pada masa tersebut dan ini telah menyebabkan mereka memobilisasikan kuasa mereka bersama untuk mewujudkan sebuah parti politik di Malaya supaya dapat menjamin dan memajukan kepentingan masyarakat India di Malaya (Subramaniam 1974)

Hasilnya pada bulan April 1946, beberapa pemimpin masyarakat India Malaya seperti John Thivy, Sandar But Singh, Khailasam, M.K Ramachandran Naidu dan lain-lain telah berkumpul di pejabat Kuil Sri Mahamariamman yang terletak di Kuala Lumpur untuk menubuhkan satu organisasi politik yang dapat menjaga kepentingan masyarakat India dalam semua aspek di Malaya. Setelah itu berkembangan politik terus wujud dalam kalangan masyarakat India apabila pada 23 Jun 1946, Persatuan India Selangor mengadakan satu mesyuarat peringkat kebangsaan yang dihadiri semua pertubuhan India. Pada mesyuarat tersebut John Thivy dipilih sebagai Presiden untuk menyelaraskan satu persidangan peringkat kebangsaan (Ampalavanar 1981).

Selaku Presiden, John Thivy berusaha dengan gigih untuk mendapatkan peraturan dan idea daripada pertubuhan India di luar negara. Selepas itu, peraturan dan idea tersebut telah diselaraskan dengan situasi di Malaya. Hasil daripada itu, pada 3 Ogos 1946, terdapat satu persidangan yang bersejarah bagi masyarakat India Malaya telah berlangsung di Dewan Chetiar, Sentul, Kuala Lumpur. Dalam persidangan tersebut tiga nama telah dicadangkan kepada pertubuhan. Antaranya ialah Malayan Indian League, Malayan Indian Association dan Malayan Indian Congress. Akhirnya, nama Malayan Indian Congress (Lihat Rajah 1) telah dipilih oleh perwakilan dan John Thivy pula dipilih sebagai Presiden (Gupta 2012).

Selepas penubuhan MIC, Presiden MIC iaitu J.A. Thivy telah menghadapi beberapa masalah seperti dalam mendapat sumber kewangan, ruang untuk mendapat pejabat serta meraih sokongan daripada masyarakat India secara keseluruhan supaya dapat membentuk satu parti politik yang kuat. Masalah ini dapat dikurangkan apabila beberapa penderma tampil untuk memberi dana kepada MIC (Arasanatinam 1970).

Rajah 1: Logo Parti MIC



Sumber: <http://www.mic.org.my/>

Antara faktor pendorong kepada penubuhan MIC ialah peranan yang telah dimainkan oleh Jawaharlal Nehru apabila beliau melawat Malaya pada 18 Mac 1946. Kedatangan beliau telah mewujudkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat India di Tanah Melayu (Stenson 1969).

K.L Devasar selaku pemimpin MIC telah menjadikan MIC sebagai salah satu komponen dalam Parti Perikatan pada tahun 1954. Tujuan menjadi anggota dalam Parti Perikatan adalah untuk berkerjasama dengan komuniti lain dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Malaya. Setelah itu, MIC terus kekal di dalam Parti Perikatan yang dikenali sebagai Barisan Nasional selepas 1974 (Rajeswary 1978: 174-187).

Sebagai sebuah parti yang mewakili komuniti India dalam Kerajaan, MIC terus memainkan peranan yang signifikan sebagai moderator pragmatik menggabungkan kuasa menjadi keperluan umum untuk perpaduan dan kebaikan komuniti dan negara. Dengan kematian Tan Sri Dato V. Manikavasagam pada 12 Oktober 1979, Dato Seri S. Samy Vellu telah mengambil alih kepimpinan parti tersebut bermula 12 Oktober 1979 sehingga 6 Disember 2010 dan seterusnya diketuai Dato' Seri G. Palanivel (6 Disember 2010 hingga 25 Jun 2015), kemudian diketuai Dato' Seri Dr. S. Subramaniam (25 Jun 2015 hingga 14 Julai 2018) dan pada 14 Julai 2018 hingga kini (2019) diketuai pula oleh Tan Sri S. A. Vigneswaran.

Rajah 2: Presiden Parti MIC sekarang (2018) iaitu Tan Sri S. A. Vigneswaran



Sumber: <http://www.mic.org.my/>

Perkembangan Politik Dan Sosioekonomi MIC

Malaysian Indian Congress (MIC) merupakan parti politik yang utama mewakili kaum India di Malaysia sejak tahun 50-an. Setelah MIC berkompromi dengan UMNO dan MCA dibawah *social contract* pada tahun 1955 dan 1956, MIC menjadi jurucakap utama untuk Kaum India dalam meluahkan keinginan kepada Kerajaan. Sehubungan itu, wakil rakyat Kaum India dalam Parlimen Malaysia hampir kesemuanya dari MIC sejak dari pilihan raya umum pertama. Setiap kali pilihan raya calon MIC dapat sokongan yang sepenuhnya dari kaum India (Janakey Raman Manickam 2012)

Malaysian Indian Congress (MIC) adalah salah satu daripada parti politik yang tertua di Malaysia. MIC telah ditubuhkan pada bulan Ogos 1946. Ianya telah ditubuhkan akibat daripada usaha berterusan untuk menamatkan peperangan dalam penjajahan kolonial British serta

keperluannya sebagai wakil komuniti India semasa pembangunan negara selepas tamatnya perperangan. Pengasas MIC dan Presidennya adalah John A. Thivy (1946-1947). Pada peringkat permulaannya, MIC berazam untuk memperoleh kemerdekaan dan demokrasi untuk negara. Selain itu, parti ini juga mempunyai beberapa motif yang lain seperti mewujudkan keharmonian antara semua kaum serta perpaduan yang positif, membantu dalam kemajuan dan kestabilan negara serta pembahagian manfaat yang adil kepada komuniti India pada masa depan (Azharudin 2012).

Fasa seterusnya MIC bermula dibawah Presidennya yang ketiga iaitu Mr. K. Ramanathan yang menyedari ketidakberkesanan dan kegagalan berkerjasama dengan Kerajaan apabila komuniti utama yang lain diwakili oleh UMNO dan MCA bergabung dengan MIC bertanding dalam pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada tahun 1952 dengan IMP di bawah pimpinan Dato'Onn Jaafar dan organisasi yang tidak mewakili komuniti yang lain. Sungguhpun begitu, pilihan raya 1952 membuktikan usaha MIC untuk mewujudkan kesedaran dan melaksanakan pembangunan untuk masyarakat India. Pada tahun 1954, MIC dibawah Presiden keempatnya iaitu Mr. K. L. Devaser (1951-1955) menjadi rakan kongsi ketiga dalam gabungan UMNO dan MCA iaitu Parti Perikatan.

Fasa keempat parti bermula dengan Tan Sri Dato V. Manikavasagam yang merupakan Presiden keenam MIC (1973-1979). Dibawah kepimpinan beliau, MIC melangkah teguh dengan pembinaan bangunan, pejabat dan pekerja dalam pelbagai bahagian negara dan sistem parti diorganisasikan dan keupayaannya untuk menangani isu dipertingkatkan lagi. Pada masa tersebut MIC sebagai ahli Parti Perikatan menjadi sebahagian Barisan Nasional. MIC menaja Nesa Multipurpose Cooperative dan MIC Unit Trust sebagai sebahagian daripada program untuk usaha ekonomi, dan menubuhkan MIC Education Fund untuk anak ahli dan Malaysian Indian Scholarship untuk pengajian tinggi termasuk institusi untuk melatih belia India dalam kemahiran teknikal dan perdagangan.

Objektif utama perjuangan pada ketika itu ialah kerakyatan penuh diberi kepada rakyat India atas sebab mereka sudah menetap di Tanah Melayu. Di samping itu, MIC juga berjuang untuk membela kedudukan pekerja estet dan kepentingan kaum India yang lain seperti memberi perhatian dalam peningkatan mutu pendidikan Bahasa Tamil dan kebudayaan di Tanah Melayu. Pada tahun 1954, MIC menyertai Parti Perikatan bersama-sama dengan UMNO dan MCA. Pada tahun 1957, gabungan parti perikatan ini sebulat suara untuk meminta kemerdekaan daripada pihak pentadbir iaitu daripada Koloni British. Keanggotaan MIC dalam Parti Perikatan yang dikenali sebagai Barisan Nasional pada masa kini tidak dapat disangkal kerana ia merupakan parti yang mempunyai ahli yang ramai dan majoriti masyarakat India menyokongnya. Namun terdapat beberapa golongan masyarakat di Malaysia terutamanya di kalangan masyarakat India mempunyai pandangan yang berbeza tentang Parti MIC. Bagi mereka MIC dianggap sebagai parti yang berkisarkan kaum tetapi tidak memajukan tuntutan politik.

Sumbangan MIC Kepada Masyarakat India

a. Ekonomi

Oleh kerana MIC tidak dapat memainkan peranan yang aktif dalam bidang ekonomi sebelum kemerdekaan, maka selpas kemerdekaan tumpuan MIC mula beralih. MIC sedar bahawa

sekiranya masyarakat India ingin terus kekal di Malaysia, maka masyarakat India harus menguasai ekonomi negara. Jadi untuk itu mencapai wawasan tersebut, MIC telah memulakan beberapa langkah ekonomi dengan menubuhkan beberapa koperasi. Melalui koperasi ini, MIC berharap akan mendapat sedikit peningkatan dalam penguasaan ekuiti negara.

Pada awalnya, perubahan tindakan MIC dapat dilihat apabila Presiden MIC pada waktu itu iaitu V.T. Sambanthan mula mengalah perhatiannya daripada bidang politik ke bidang ekonomi. Sambanthan memulakan langkah MIC dengan menubuhkan *National Land Finance Cooperative* (NLFCS). Walaupun NLFCS ini tidak diwujudkan dan ditadbir oleh MIC secara langsung, tetapi penubuhan NLFCS ini telah memberi nafas baru dan semangat kental kepada MIC. Namun, semasa tempoh DEB MIC tidak membela tahap ekonomi masyarakat India. Salah satu sebab kegagalan ini adalah konflik dalaman yang berlaku dalam kalangan pemimpin tertinggi MIC (Anbalakan 2008:189).

MIC pusat telah meminta kesemua ahli MIC untuk membeli saham MHB sejak pelancarannya pada 13 April 1984. MIC telah berjaya mengumpul RM 106 juta dengan jumlah pemilik sahamnya seramai 66,649 orang. Kesilapan pemimpin MIC ialah ketidakupayaan untuk beroperasi sebagai korporat. Mereka telah mencampuradukkan politik dengan perniagaan. Samy Vellu, misalnya, walaupun bukan salah seorang pengarah MHB, beliaulah yang menentukan corak pengurusan syarikat itu. Oleh yang demikian, kebanyakannya yang dibuat dalam syarikat MHB telah membawa kerugian besar (Anbalakan 2008: 193). Namun demikian, Samy Vellu tidak sedar akan kesilapannya. Sebaliknya, beliau telah menyalahkan Kerajaan yang menyebabkan kegagalan MHB. Beliau telah menyatakan bahawa pihak Kerajaan langsung tidak memberikan sokongan bagi usaha MHB untuk terlibat dalam industri perbankan, kewangan, insurans, pengangkutan dan sebagainya yang mana penglibatan orang India hampir tidak wujud. Dakwaan Samy Vellu tidak benar sepenuhnya. Kerajaan pernah memperuntukkan saham kepada MHB dalam TV3 dan beberapa lagi badan Kerajaan dikorporat seperti MAS, MISC, Telekom Malaysia dan EON (Gomez 1995).

b. Pendidikan

Pendidikan pada tahap pertama atau awal (sehingga 1957), MIC tidak memainkan peranan untuk memajukan pendidikan sekolah Tamil. Ini adalah kerana MIC terlalu sibuk dengan pembentukannya dan cuba mendapatkan kepercayaan masyarakat India terhadapnya. Ini adalah kerana MIC hanya dianggotai oleh penduduk bandar yang berpendidikan. Mereka ini cuba wujudkan kesedaran terhadap parti MIC. Jadi lebih banyak masa dan tenaga diluangkan untuk menguatkan parti MIC. Tiada tumpuan khas diberikan kepada sekolah Tamil. Pendidikan Tamil di sekolah Tamil berjalan dengan sendirinya. Sukatan pelajaran yang streotaip negara India tidak banyak mengerakkan pemikiran masyarakat India ke arah pembangunan. Parti MIC juga turut dijemput menjadikan ahli Jawatankuasa Laporan Pelajaran Razak dan Jawatankuasa Rahman Talib. MIC tidak meluahkan sebarang idea berasas yang dapat meningkatkan taraf pendidikan Tamil yang boleh menggerakkan mobiliti sosial dalam kalangan masyarakat India.

Pada tahap kedua iaitu antara tahun 1957 hingga 1979, MIC tidak banyak memainkan peranan penting pada awalnya, tetapi mula memainkan peranan penting penghujung tahap kedua. Ini adalah disebabkan oleh kepimpinan MIC itu sendiri. Walaupun E.E.C Turaisinggam pernah dilantik sebagai Menteri Pendidikan, namun beliau tidak memainkan peranan yang aktif terhadap

kemajuan pendidikan Tamil dan pembangunan sekolah Tamil. Ini adalah kerana beliau adalah keturunan Ceylon. Ini mengakibatkan MIC gagal mempengaruhi masyarakat India dari segi aktivitinya. Namun begitu, hampir kesemua orang yang tinggal di luar bandar masih menghantar anak-anak mereka ke sekolah Tamil. Ada di antara mereka yang tinggal di bandar-bandar besar juga turut menghantar anak mereka ke sekolah Tamil.

Sementara itu, MIC telah memulakan Tabung Pelajaran MIC yang pertama pada tahun 1972. Tabung Pelajaran ini kemudian dikenali sebagai Tabung Biasiswa Tan Sri Manickavasagam. Tujuannya adalah untuk membantu penuntut-penuntut India di pusat pengajian tinggi di negara ini. Ini merupakan permulaan baru bagi MIC membantu masyarakat India melibatkan diri dengan lebih giat lagi dalam bidang pendidikan. Pada tahun 1974, MIC telah menubuhkan Rantindak MIC dan telah meminta Kerajaan menyediakan kemudahan yang lebih baik bagi sekolah Tamil. Selepas itu, MIC telah lemah semangat dan berkubur. Tanpa kekuatan parti MIC, Kerajaan tidak akan memenuhi segala permintaan MIC.

Mulai tahun 1978, MIC telah memulakan kelas bimbingan undang-undang dan Institute of Chartered Secretaries and Administration. Badan ini juga mengesyorkan agar 10 peratus tempat di universiti dan kolej tempatan dikhaskan untuk masyarakat India. Badan Rantindak 1974 ini juga pernah menyuarakan kelemahan dan kecacatan dalam pentadbiran dan pengelolahan sekolah Tamil. Badan ini juga telah meminta agar Kerajaan Persekutuan menghulur bantuan kepada bantuan bagi mengatasi masalah ini yang kian kronik di sekolah Tamil.

Pada tahun 1978, MIC telah membeli Institut Teknologi Negeri (ITN). Tujuannya adalah untuk melahirkan masyarakat India yang mahir dalam bidang teknikal. Malangnya, ITN tidak banyak melahirkan golongan tenaga mahir kerana kursus yang ditawarkan adalah kurang menarik dan tidak bersesuaian dengan perkembangan negara. Apabila Samy Vellu menerajuhi MIC, maka MIC telah membuat perjanjian dengan Universiti Curtin di Australia Barat untuk menarik lebih banyak pelajar di ITN.

Bagi Pendidikan tahap ketiga (1979 hingga sekarang), kegagalan MIC menyedarkan masyarakat India akan kepentingan pendidikan pada tahap kedua juga menyebabkan kurang berlaku mobiliti sosial. Sementara itu, keciciran turut berlaku di sekolah Tamil. Pada tahap ini, MIC mula memberi tumpuan dan perhatian yang serius terhadap perkembangan bahasa Tamil. Ini dapat dilihat apabila Bahasa Tamil dan Bahasa Cina menghadapi masalah di Universiti, MIC bersama MCA dengan lantang menyuarakan rasa tidak puashati terhadap tindakan pihak Universiti Malaya.

Pada tahun 1986, MIC melancarkan melancarkan Projek Tiket Loteri bagi mengisi Dana MIED. Hasil keuntungan akan dimasukkan ke bank. "faedah yang diperolehi akan diguna sebagai pinjaman MIED. MIED juga menyediakan peluang mempelajari pendidikan teknikal dan akademik untuk golongan India. Ini dibuktikan apabila MIC menubuhkan Kolej TAFE untuk melahirkan masyarakat India yang berkemahiran. Pada peringkat pertama. MIC mengambil alih ITN pada tahun 1978. ITN telah mengubah corak kursus apabila Samy Vellu mengambil alih pucuk pemimpin MIC mulai tahun 1979. Mengikut statistik yang diberikan oleh MIC, pada tahun 1978 penuntut di kolej TAFE seramai 260 orang pelajar, manakala sepeuluh tahun kemudian seramai 1049 orang pelajar menuntut di kolej tersebut. Pada tahun 1996 terdapat jumlah penuntut di Kolej TAFE adalah seramai 3200 orang pelajar (Laporan Tahunan MIC – 1978-1995).

Sejak tahun 2008, terdapat banyak peruntukan diturunkan di sekolah Tamil oleh Kerajaan. Antaranya yang jelas ialah pada tahun 2012, Kerajaan meluluskan RM 100 juta bagi kerja menyediakan kemudahan peralatan dan penyenggaran sekolah Tamil di seluruh negara, peruntukan sejumlah RM 130 juta disediakan untuk membangun dan memajukan sekolah Tamil di seluruh negara, peruntukan RM 70 juta disediakan setiap tahun bagi tujuan membaik pulih Sekolah Bantuan Modal selama dua tahun (2011-2012), bantuan RM 2000 sebulan untuk bayaran bil. air dan elektrik bagi Sekolah bantuan Modal. Enam buah Sekolah Rendah Tamil mendapat bantuan kewangan sebanyak RM 5 juta di bawah Skim Program Komuniti Kerajaan menyediakan bantuan kewangan sebanyak RM 302.8 juta untuk membina bangunan baru dan bangunan tambahan dan menaik taraf/mengubahsuai 432 Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil bantuan penuh dan bantuan modal. Kerajaan juga meluluskan peruntukan untuk membaik pulih SRJK (T) dan menambah bilik darjah SRJK(T) Puchong dengan kos RM 14 juta. Di samping itu, Kerajaan meluluskan peruntukan pembinaan enam buah bagi SRJK(T) seperti Taman Sentosa, Klang, Selangor; Taman PJS1, Petaling Jaya; Bandar Mahkota Cheras; Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah; Ladang Hee Wood, Sungai Siput, Perak; Bandar Sri Alam Masai, Johor; dan Sungai Salak, Siliau, Negeri Sembilan. Selain itu, terdapat seramai 389 pelajar India ditawarkan biasiswa JPA pada tahun 2010 dan 245 pelajar pada 2011. Seramai 150 pelajar India menerima tawaran Geran Pendidikan 1MDB. Seramai 326 pelajar India pada tahun 2010/2011 dan seramai 580 pelajar India pada tahun 2011/ 2012 mendapat tawaran matrikulasi. Yayasan 1Malaysia menyalurkan bantuan pendidikan RM 15,000.00 setiap seorang kepada 50 pelajar India cemerlang (Panduan Penjelasan Dasar-Dasar Negara Jilid 1-2012).

MIC Dan Sosiopolitik

Sejak tahun 2008, perubahan politik dalam kalangan kaum India mula berlaku. Sokongan komuniti India terhadap MIC mula terhakis dan kaum India tidak terima MIC sebagai parti pilihannya. Ini terbukti apabila sebahagian besar dari pemimpin MIC tewas dengan calon-calon daripada parti pembangkang dalam majoriti undi yang besar. Sejarah hitam MIC ini bukan semata-mata berpuncak dari gerakan Hindu Rights Action Force (Hindraf), malah juga daripada perasaan tidak puas hati Kaum India yang meluap-luap terhadap kepimpinan parti yang mereka wakil selama ini. Antara yang paling jelas, isu meningkatkan taraf kehidupan Kaum India tidak diberikan perhatian yang serius. Isu seperti kad pengenalan merah (warganegara tetap), kesempitan peluang perniagaan, peluang pekerjaan kaum India dalam sektor awam yang terhad, peluang pendidikan kaum India di sekolah-sekolah rendah (sekolah Tamil) hingga IPTA yang terbatas dan perobohan kuil agama Hindu. Oleh itu, tindakan gerakan Hindraf adalah pemangkin yang mempercepatkan proses penyingkiran pengaruh MIC dalam kalangan kaum India (Junaidi et al. 2009).

Dalam setiap Pilihan Raya Umum (PRU), lazimnya Barisan Nasional (BN) akan mengekalkan kemenangan pada peringkat Parlimen dan terus menerajui Kerajaan Pusat. Ini kerana ideologi dan dasar pemerintahan Parti Perikatan diterima dengan baik oleh pengundi sejak dari awal penubuhan parti tersebut. Kemudian penjenamaan parti tersebut kepada BN yang berpegang kepada prinsip bahawa BN adalah sebuah parti yang mampu membela nasib bangsa, agama dan negara semakin mendapat sokongan dan kepercayaan rakyat dalam setiap PRU. Di samping itu, parti ini dapat bertahan dan terus mendapat kepercayaan sejak sekian lama di

samping kekuatan jentera parti yang sentiasa berkempen bersungguh-sungguh bagi memancing undi dalam setiap kali PRU. Namun sokongan terhadap BN didapati telah mula merosot dengan begitu ketara sejak PRU 2008 dan sokongan pengundi telah beralih kepada parti pembangkang iaitu PKR, DAP dan PAS (Junaidi et al. 2010).

Hal ini dapat dilihat dalam PRU ke-12 (2008) yang diadakan pada 8 Mac 2008. Keputusan PRU ke-12 amat memerlukan ramai penganalisis politik kerana BN mendapat 140 kerusi Parlimen manakala ketiga-tiga buah parti pembangkang utama (PKR, DAP dan PAS) telah membentuk Pakatan Rakyat (PR) dengan mendapat 82 kerusi Parlimen. Keadaan tersebut diartikulasikan oleh penganalisis politik sebagai ‘tsunami politik’ 2008. BN masih menang dengan majoriti mudah di peringkat Parlimen namun di peringkat DUN, BN tewas di Kelantan, Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor. Disamping itu, terdapat beberapa Presiden dari parti komponen BN yang tewas di kawasan masing-masing.

Antara parti komponen BN yang mendapat ‘tempias’ tsunami politik 2008 tersebut ialah Malaysian Indian Congress (MIC). Apatah lagi, Presiden dan Timbalan Presiden MIC sendiri juga kalah kepada calon daripada parti pembangkang. Persoalannya, kenapa keadaan sedemikian berlaku tanpa diduga? Sedangkan MIC sebelum ini merupakan antara parti komponen BN yang kuat serta selama ini telah mencatatkan kemenangan 100 peratus.

Datuk Seri S. Samy Vellu dan Datuk S. Subramaniam telah memegang jawatan Presiden dan timbalan selama 26 tahun. Mereka telah bersama-sama berusaha keras dan bertungkus lumus menaikkan MIC pada peringkat nasional dan mengatasi segala permasalahan dalam parti. Sejak pemilihan parti 2006 dan 2009, Datuk Seri S. Samy Vellu telah menamakan Datuk G. Palanivel untuk bertanding sebagai Timbalan Presiden, sedangkan Datuk S. Subramaniam adalah timbalannya sendiri. Oleh itu, dalam kalangan penyokong pemimpin tersebut, terdapat perpecahan dan perbalahan yang semakin ketara dalam parti dari semasa ke semasa. Mereka berpecah dan berpuak-puak walaupun di bawah satu kepercayaan dan pegangan yang telah lama wujud dalam parti.

Selain itu, Gerakan Anti Samy Vellu (GAS) diasaskan oleh Bharat Maniam dan Timbalan Ketua Pemuda MIC, V. Mugilan (Hulu Selangor) bagi menentang kepimpinan ahli politik veteran /Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu. Mereka menubuhkan NGO ini secara spontan ekoran pemecatan Mugilan dari parti MIC. Penyokong GAS ini termasuklah ahli CWC iaitu K.P. Samy (Majlis Tertinggi Parti) dan G. Kumar Aamaan dari Semenyih. Pada 24 Mei 2008 K.P Samy dan G. Kumar turut dipecat. Perhimpunan 7,000 orang telah diadakan di Kuala Lumpur, mendesak Samy Vellu berundur daripada MIC dengan segera.

Kebencian ini ditambah pula dengan keangkuhan bekas Presiden MIC, Datuk Seri Samy Vellu yang menggunakan kuasanya sebagai Presiden untuk memecat Mugilan walaupun sehari sebelum itu mengumumkan akan merujuk kepada jawatankuasa disiplin terlebih dahulu kerana telah bertindak bertentangan dengan kepentingan MIC dan BN semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) kerusi Parlimen Hulu Selangor. Datuk Seri Samy Vellu mengetahui kelemahan MIC tetapi beliau terlalu angkuh sehingga enggan menerima kenyataan. Tidak nafikan MIC banyak berjasa kepada masyarakat India dan negara namun sebagai pemimpin tertinggi MIC, beliau harus tahu untuk mengekalkan kerelevan diri dan parti yang dipimpinnya. Apa guna membelanjakan satu peruntukan yang begitu besar untuk menjalankan satu persidangan Mesyuarat Agung MIC yang melarang para delegasi untuk bertanya soalan dan memberikan pandangan dan idea. MIC melalui perhimpunan parti tahunan sejak tahun 50-an hingga 2008 telah mengemukakan puluhan

resolusi kepada Kerajaan Pusat (BN) supaya disediakan satu blue print yang jelas bagi masa depan masyarakat India. Semuanya tidak diberikan perhatian yang serius oleh pemerintah. Rasa tidak puas hati kepada pemimpin MIC menyebabkan tertubuhnya pelbagai parti baru yang dipimpin oleh bekas ahli MIC. Antaranya Indian Progressive Front (IPF), Parti Makkal Sakti Malaysia (MMSP), Parti Bersatu India Malaysia (MIUP), dan Human Rights Party (HRP) serta pertubuhan Hindraf (Hindu Rights Action Force).

Reaksi masyarakat India dalam PRU ke-12 bukannya berpunca dari gerakan Hindraf semata-mata. Tindakan Hindraf adalah pemangkin yang telah mempercepatkan proses penyingkir pengaruh MIC akibat rasa tidak puas hati yang telah lama terbukti dalam jiwa masyarakat India. Perhimpunan Hindraf 2007 telah diadakan di Kuala Lumpur pada pagi Ahad, 25 November 2007. Pemimpin-pemimpin Hindraf cuba mengadakan perhimpunan 100,000 penganut Hindu di hadapan pejabat Suruhanjaya Tinggi Britain di Jalan Ampang, Kuala Lumpur dengan memohon permit perhimpunan dari balai polis berdekatan. PDRM memutuskan untuk tidak memberarkan perhimpunan ini diadakan berikutnya bimbang dengan kejadian rusuhan yang akan berlaku dan boleh menjaskan ketenteraman masyarakat majmuk di Malaysia. Pada 15 Oktober 2008, Hindraf diisyiharkan sebagai sebuah pertubuhan haram oleh Menteri Keselamatan Dalam Negeri (Dato' Syed Hamid Albar) dan mesti dielakkan oleh orang ramai. Pada 30 Oktober 2007, beberapa pemimpin Hindraf telah ditahan kerana mengadakan demonstrasi di Kuala Lumpur. Antaranya ialah Waytha Moorthy Ponnusamy, M. Manoharan, Uthayakumar Ponnusamy dan S. Ganapathi Rao.

MIC Dalam Pilihan Raya (1999-2018/2019)

MIC merupakan salah satu parti komponen dalam Barisan Nasional (dulunya Perikatan) sejak PRU 1955 hingga 2018. Lazimnya, MIC diberikan kerusi untuk bertanding di kawasan yang agak ramai pengundi India atas semangat politik muafakat dalam BN meskipun antara 222 kerusi Parlimen di negara ini, tiada satupun kerusi Parlimen majoriti etnik India melebihi 30 peratus. Pada PRU 2018, sembilan kerusi Parlimen yang ditandingi MIC atas tiket BN iaitu Sungai Siput, Perak (20.94 peratus etnik India); Tapah, Perak (14.28 peratus etnik India); Hulu Selangor, Selangor (16.27 peratus etnik India); Kota Raja, Selangor (28.06 peratus etnik India); Sungai Buloh, Selangor (10.83 peratus etnik India); Kapar, Selangor (14.19 peratus etnik India); Cameron Highlands, Pahang (14.79 peratus etnik India); Port Dickson, Negeri Sembilan (21.87 peratus etnik India); dan Segamat, Johor (10.08 peratus etnik India).

Bagi kerusi DUN pula, pada PRU 2018, MIC bertanding 17 kawasan DUN iaitu di kawasan DUN Bukit Selambau (23.27 peratus etnik India) dan Lunas (23.49 peratus etnik India) di Kedah; Bagan Dalam (25.94 peratus etnik India) dan Perai (36.35 peratus etnik India) di Pulau Pinang; Buntong (48.59 peratus etnik India), Jelapang (23.77 peratus etnik India) dan Sungkai (16.68 peratus etnik India) di Perak; Sabai (21.31 peratus etnik India) di Pahang; Ijok (25.36 peratus etnik India), Sungai Tua (24.49 peratus etnik India) dan Sentosa (43.57 peratus etnik India) di Selangor; Jeram Padang (35.62 peratus etnik India) dan Sri Tanjung (30.80 peratus etnik India) di Negeri Sembilan; Gadek (16.35 peratus) di Melaka; dan Gambir (3.74 peratus etnik India), Kahang (2.73 peratus etnik India) serta Tenggaroh (1.64 peratus etnik India) di Johor.

Jika dilihat kepada sejarah keputusan lima pilihan raya umum yang terakhir, pada PRU ke-10 (1999), MIC bertanding di 7 kerusi Parlimen dan menang kesemuanya. Kemudian pada PRU ke 11 (2004), MIC mendapat tambahan 2 kerusi baru (menjadikan 9 kerusi) ekoran pertambahan kerusi Parlimen hasil persempadanan semula bahagian pilihan raya pada tahun 2003. Hasilnya, MIC menang di kesemua sembilan kerusi Parlimen yang ditandingi. Kemudian pada PRU ke-12 (2008), Calon MIC masih bertanding di sembilan kerusi Parlimen dan 19 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan menang di tiga kerusi Parlimen dan pada peringkat DUN pula, MIC hanya menang tujuh kerusi. Ini menunjukkan sokongan pengundi terhadap MIC mula terhakis pada PRU 12 daripada 80 peratus ke 30 peratus. Masyarakat India yang berada dibawah payung MIC selama ini kelihatan diabaikan hak mereka untuk mendapat keistimewaan yang setimpal dengan situasi semasa dan sumbangan mereka dalam aspek ekonomi, sosial dan pendidikan seperti masalah isu pemberian biasiswa unuk pelajar India yang cemerlang, kekurangan peluang pekerjaan dalam sektor awam, isu buku Interlok, isu hak mendapat warganegara, gaji minimum dalam sektor perlادangan, ekuiti ekonomi hanya 1.5 peratus sahaja dan bantuan kepada sekolah Tamil yang terhad. Disamping itu, pergolakan dalam kepimpinan MIC, pemecatan terhadap beberapa ahli MIC terutamanya pemimpin muda dan sikap Dato Seri S. Samy Vellu juga menyumbang kepada kekalahan banyak kerusi yang ditandingi MIC dalam PRU ke-12. Kemudian pada PRU 2013, MIC menang di empat kerusi Parlimen iaitu di Segamat (Johor), Hulu Selangor (Selangor), Tapah (Perak) dan Cameron Highlands (Pahang) manakala pada PRU 2018, MIC hanya menang di dua kawasan parlimen iaitu Tapah dan Cameron Highlands. PRK Parlimen Cameron Highlands (Januari 2019) menyaksikan MIC terpaksa menyerahkan kerusi tersebut kepada calon langsung (Orang Asli) menjadikan MIC kini (2019) hanya tinggal satu kerusi di Parlimen iaitu di Tapah, Perak.

Jadual 1: Prestasi MIC bagi kerusi Parlimen dalam PRU 1999, 2004, 2008, 2013, 2018 dan kedudukan semasa pada tahun 2019

PRU dan keadaan semasa	Jumlah kerusi Parlimen yang ditandingi MIC	Jumlah kerusi Parlimen yang Dimenangi MIC
1999	7	7
2004	9	9
2008	9	3
2013	9	4
2018	9	2
Keadaan semasa 2019	-	1

Sumber: SPR 1999, SPR 2004, SPR 2008, SPR 2013 & SPR 2018

Analisis Pencapaian MIC Dalam PRU 2018

Pada PRU 2018, sembilan kerusi Parlimen yang ditandingi MIC atas tiket BN iaitu Sungai Siput, Perak (20.94 peratus etnik India); Tapah, Perak (14.28 peratus etnik India); Hulu Selangor, Selangor (16.27 peratus etnik India); Kota Raja, Selangor (28.06 peratus etnik India); Sungai Buloh, Selangor (10.83 peratus etnik India); Kapar, Selangor (14.19 peratus etnik India); Cameron Highlands, Pahang (14.79 peratus etnik India); Port Dickson, Negeri Sembilan (21.87

peratus etnik India); dan Segamat, Johor (10.08 peratus etnik India). Bagi kerusi DUN pula, MIC bertanding 17 kawasan DUN iaitu di kawasan DUN Bukit Selambau (23.27 peratus etnik India) dan Lunas (23.49 peratus etnik India) di Kedah; Bagan Dalam (25.94 peratus etnik India) dan Perai (36.35 peratus etnik India) di Pulau Pinang; Buntong (48.59 peratus etnik India), Jelapang (23.77 peratus etnik India) dan Sungkai (16.68 peratus etnik India) di Perak; Sabai (21.31 peratus etnik India) di Pahang; Ijok (25.36 peratus etnik India), Sungai Tua (24.49 peratus etnik India) dan Sentosa (43.57 peratus etnik India) di Selangor; Jeram Padang (35.62 peratus etnik India) dan Sri Tanjung (30.80 peratus etnik India) di Negeri Sembilan; Gadek (16.35 peratus) di Melaka; dan Gambir (3.74 peratus etnik India), Kahang (2.73 peratus etnik India) serta Tenggaroh (1.64 peratus etnik India) di Johor. Bagi kerusi Parlimen, MIC hanya menang di dua kerusi iaitu Parlimen Tapah (YB Datuk Seri M. Saravanan) dan Cameron Highlands (YB Dato' Sivarraajh Chandran), manakala bagi kerusi DUN pula MIC hanya menang di tiga kawasan iaitu DUN Jeram Padang (YB. Datuk Manickam Letchuman), Kahang (YB R. Vidyananthan) dan Tenggaroh (YB Raven Kumar Krishnasamy). Kemenangan calon MIC di kawasan Parlimen Tapah, Cameron Highlands, DUN Jeram Padang, Kahang dan Tenggaroh adalah melalui sokongan majoriti pengundi Melayu terutamanya di kawasan FELDA yang merupakan ‘fix deposit’ BN sejak sekian lama serta sebahagian pengundi India di kawasan tersebut. Namun kekalahan calon MIC di kawasan lain disebabkan fenomena nasional iaitu isu kepimpinan, isu ekonomi, isu integriti dan isu perpaduan kaum disamping berlakunya swing besar-besaran undi Cina dan India kerana faktor kekuatan PH iaitu Tun Mahathir sebagai calon Perdana Menteri yang berpengalaman dalam pemerintahan negara sebagai Perdana Menteri pada tahun 1982-2002, penggunaan satu logo oleh PH iaitu logo PKR, dan manifesto PH yang dilihat lebih menarik berbanding manifesto BN dan PAS/GS. Secara keseluruhannya, prestasi MIC dalam setiap PRU dipengaruhi oleh isu semasa dan faktor nasional (Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif 2018).

MIC Pasca PRU 2018

Pada pemilihan MIC pada 14 Julai 2018, Tan Sri S. A. Vigneswaran dipilih sebagai Presiden MIC baharu bagi penggal 2018-2021 selepas menang tanpa bertanding pada pemilihan parti tersebut. Vigneswaran yang juga bekas Naib Presiden parti menerima sokongan daripada 3,616 cawangan MIC di seluruh negara yang terdiri daripada 4,300 cawangan. MIC yang masih utuh dalam Barisan Nasional (BN) bersama-sama UMNO dan MCA akan meneruskan proses pemilihan calon bagi peringkat bahagian, negeri dan pusat sebelum akhir tahun 2018 (Berita Harian 2018).

Pada 18 November 2018, MIC bahagian Labuan bubar selepas semua anggotanya mengambil keputusan untuk meninggalkan parti dan mengumumkan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad. MIC Labuan yang ditubuhkan pada 1986 sebaik sahaja UMNO dan MCA melebarkan sayapnya ke Labuan, mempunyai lima cawangan dengan 336 anggota di pulau itu (Sinar Harian 2018).

Pada 3 Januari 2019, Bekas pemimpin MIC Sabah membentuk sebuah parti baharu dikenali Parti Bersatu India Sabah (PBIS) sebagai mewakili masyarakat kaum itu di negeri tersebut. Presiden Penaja PBIS yang juga bekas Pengerusi MIC Sabah selama 23 tahun, Datuk V

Jothi, ketika mengumumkan perkara itu berkata, permohonan untuk membentuk parti baharu itu sudah diserahkan kepada Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk kelulusan (Berita Harian 2019).

Pada 30 November 2018, Mahkamah Tinggi mengumumkan kerusi Parlimen Cameron Highlands yang diwakili BN-MIC terbatal dan tidak sah serta mengarahkan supaya pilihan raya diadakan semula. Hakim Azizah Nawawi berkata calon DAP, M Manogaran berjaya membuktikan terdapat amalan rasuah yang menyaksikan kemenangan kepada Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu. Ahli Parlimen C Sivarraajh dari Barisan Nasional (BN) didapati bersalah memberikan suapan kepada pengundi Orang Asli dalam pilihan raya 9 Mei 2018. Hakim Azizah berkata M Manogaran berjaya membuktikan calon BN itu melakukan aktiviti rasuah semasa mesyuarat pada 28 April serta pada 3, 6, 7, 8 dan 9 Mei 2018. Kemudian pada 26 Januari 2019, Barisan Nasional (BN) berjaya mengekalkan kerusi tradisinya pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Cameron Highlands apabila calonnya Ramli Md Nor menang dengan majoriti 3,238 (Astro Awani 2019).

Pada 27 Ogos 2020, MIC mengumumkan pendiriannya untuk tidak menyertai Perikatan Nasional (PN). Setiausaha Agungnya, Datuk M Asojan Muniandy, berkata pendirian itu disampaikan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dalam sepucuk surat bertarikh 24 Ogos 2020. Beliau berkata, MIC mulanya bersetuju menyertai PN dengan tanggapan UMNO dan BN akan turut sama, namun apabila hujung bulan lalu UMNO dikatakan tidak akan menyertai pakatan itu, maka keputusan MIC sebelum ini tidak terpakai. Namun seperti UMNO dan BN, MIC juga akan terus menyokong kepemimpinan kerajaan sedia ada," katanya ketika dihubungi Bernama (Berita Harian 2020).

KESIMPULAN

MIC telah banyak menyumbang kepada kemajuan negara dengan peranannya sebagai penggerak kepada kemajuan masyarakat India di negara ini. Dengan komitmen yang tinggi serta semangat kerjasama yang ikhlas, MIC telah bersama-sama memupuk semangat harmonis dalam kalangan rakyat. Dengan kepimpinan yang berwibawa dan dinamik, MIC telah menyumbang kepada BN dalam mengurus pembangunan negara ke tahap pembangunan ekonomi yang membanggakan. Rakyat Malaysia termasuk masyarakat India kini mengecapi kualiti hidup yang amat selesa berbanding dengan negara-negara majmuk yang lain. Namun demikian, perubahan politik yang wujud dalam kalangan masyarakat India menyebabkan MIC tidak atau kurang menjadi pilihan utama untuk masyarakat India. Komuniti India mengharapkan perubahan pucuk pimpinan namun ia tidak diendahkan oleh pucuk pimpinan masa kini. Justeru, MIC memerlukan pemimpin yang berwawasan dan bersuara lantang untuk menuntut hak-hak dan kepentingan kaum India seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan perbincangan, amat jelas bahawa MIC sejak penubuhan sehingga hari ini telah melalui sejarah perjuangan yang penuh dengan cabaran. Justeru, Kerajaan perlu mengambil tindakan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi kaum India seterusnya mengembalikan semula sokongan kepada MIC/BN dalam PRU akan datang.

RUJUKAN

- Amalavanar, S. (1972). *Class, Caste and Ethicism among Urban Indians in Malay*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ampalavanar, R. (1981). *The Indian Minority and Political Change in Malay 1945-1955*. New York: Oxford Press.
- Anbalakan, K. (2008). *Identiti India Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Arasanatinam, S. (1970). *India in Malaysia and Singapore*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Astro Awani. (2019). BN kekalkan kerusi Cameron Highlands, Manogaran kalah lagi. 26 Januari. <https://www.astroawani.com/berita-politik/bn-kekalkan-kerusi-cameron-highlands-manogaran-kalah-lagi-197039>. [29 Mac 2021].
- Azharudin Mohd Dali. (2012). *Sejarah Masyarakat India di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Berita Harian. (2018). Vigneswaran dipilih Presiden MIC penggal 2018-2021. 14 Julai. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2018/07/449051/vigneswaran-dipilih-presiden-mic-penggal-2018-2021>. [29 Mac 2021].
- Berita Harian. (2019). Parti baharu wakili masyarakat India Sabah ditubuh. 6 Januari. <https://www.bharian.com.my/berita/politik/2019/01/516715/parti-baharu-wakili-masyarakat-india-sabah-ditubuh>. [29 Mac 2021].
- Berita Harian. (2020). MIC umum tidak sertai PN. 27 Ogos. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/08/725369/mic-umum-tidak-sertai-pn>. [29 Mac 2021].
- Gomez, E.T. (1995). *Political Business: A Corporate Involvement of Malaysian Political Parties*. Kuala Lumpur: Vinlin Press.
- Gupta, S. (2012). Looking for voting paradoxes in Indian elections. *Quality and Quantity* 46(3): 949-958.
- Janakey Raman Manickam. (2012). *The Malaysian Indian Dilemma: The Struggles and Agony of the Indian Community in Malaysia*. Klang: Nationwide Human Development and Research Centre.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009). Pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: satu tinjauan dari sudut etnik. Kertas Kerja Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI). Kampus Dipati Ukur, Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia. Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 10-12 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faidz Mohd Zain. (2010). Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik pembangunan dan pola pengundian. *Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change*. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi & Ahmad Afif Zulkipli. (2018). Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Tema: "Integrasi Nusa Maritim dan Penguin Jalinan Kebhinnekaan Alam Melayu di Asia Tenggara. Tempat:

Jayakarta, Lombok Beach Resort & Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.

Milne & Mauzy. (1978). *Politics and Government in Malaysia: Issued Under the Auspices of the Institute of Southeast Asian Studies, Singapore*. Singapore: Federal Publications.

Sinar Harian. (2018). MIC Labuan bubar, semua ahli sokong Tun M. 18 November. <https://www.sinarharian.com.my/politik/mic-labuan-bubar-semua-ahli-sokong-tun-m-1.906195>. [29 Mac 2021].

Stenson, M.R. (1969). The Malayan Union and the historians. *JSEAH* 10(2): 344-354.

Subramaniam, S. (1974). Politics of the Indian in Malaysia 1945-1955. Tesis M.A. Universiti Malaya.

MAKLUMAT PENULIS

JUNAIDI AWANG BESAR

Program Geografi,
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Selangor.
jab@ukm.edu.my